

Bumi al-Kinannah dari Kaca Mata Ahmad Amin: Sebahagian Ciri Budaya, Perwatakan dan Kepercayaan Masyarakatnya

BITARA

Volume 6, Issue 3, 2023: 1-11
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 19 May 2023
Accepted: 9 June 2023
Published: 7 July 2023

[The Land of al-Kinannah in The Eyes of Ahmad Amin: Several Parts of Cultural Characteristics, Personality and Beliefs of Its People]

Mohamad Azwan Kamarudin,¹ Siti Nur Zahirah Razali,¹ Umami Aisyah Abd. Latiff,¹
Adawiyatul I'zzah Ansir,¹ Wafaa Aminuddin¹ & Zamri Arifin*¹

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: abuzaim@ukm.edu.my

*Corresponding Author: abuzaim@ukm.edu.my

Abstrak

Tamadun dan budaya memainkan peranan yang amat penting dalam mencorakkan rupa bentuk sesuatu bangsa atau masyarakat. Setiap sesuatu masyarakat itu pula biasanya memiliki ciri-ciri kebudayaan yang unik dan tersendiri. Penulisan kertas kerja ini berhasrat memperkenalkan dan membincangkan serba sedikit mengenai beberapa ciri dan elemen kebudayaan, perwatakan peribadi dan kepercayaan yang dipegang serta diamalkan oleh sebahagian orang Arab Mesir sekitar era sebelum tahun 1953. Kertas kerja ini mengguna pakai kaedah kajian teks dengan menyorot sebahagian literatur mengenai budaya dan adat tradisi masyarakat Arab Mesir yang dipetik daripada karya Ahmad Amin bertajuk *Qamus al-Adat wa al-Taqlid wa al-Taabeer al-Misriyyah*. Sebahagian perkongsian pengalaman yang penulis ini alami dan perhatikan serta tafsiran beliau terhadapnya amat unik kerana ia secara jelas mencerminkan nilai kebudayaan dan sosio-budaya yang secara realitinya sememangnya wujud dalam kehidupan orang Arab Mesir itu sendiri.

Kata kunci: budaya Arab, sosio-budaya, Mesir, Ahmad Amin.

Abstract

Civilization and culture play a very important role in shaping the shape of a nation or society. Each community usually has its own unique and distinctive cultural characteristics. This paper intends to introduce and discuss a little bit about some cultural characteristics, people characteristics and beliefs held and practiced by some Egyptian Arabs around the era before 1953. This writing uses the textual study method by highlighting some texts on the culture and traditional customs of the Egyptian community taken from Ahmad Amin's work titled *Qamus al-Adat wa al-Taqlid wa al-Taabeer al-Misriyyah*. Some of the shared experiences that this writer experienced and observed and his interpretation of it was unique because it reflected the cultural values and socio-culture that exist in the Egyptian Arabs themselves.

Keywords: Arab culture, socio-culture, Egypt, Ahmad Amin.

Cite This Article:

Mohamad Azwan Kamarudin, Siti Nur Zahirah Razali, Umami Aisyah Abd.Latiff, Adawiyatul l'zzah Ansir, Wafaa Aminuddin & Zamri Arifin. (2023). Bumi al-Kinayah dari Kaca Mata Ahmad Amin: Sebahagian Ciri Budaya, Perwatakan dan Kepercayaan Masyarakatnya [The Land of Al-Kinayah in The Eyes of Ahmad Amin: Several Parts of Cultural Characteristics, Personality and Beliefs of Its People]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 1-11.

Pengenalan

Dalam bahasa Melayu, kata 'budaya' berasal daripada kata 'budi', iaitu kata Sanskrit yang bermaksud akal. Budaya itu ialah perlakuan-perlakuan manusia yang berkaitan dengan akal fikiran. Dalam erti kata lain, perkataan budaya itu dapat difahami sebagai satu gabungan kata antara 'budi' dan 'daya' yang dapat dikatakan sebagai semua yang berupa ciptaan, rasa dan penggunaan akal fikiran manusia. Budaya adalah kata singkatan daripada kebudayaan. Kadang-kadang budaya itu ditemui sama maksudnya dengan peradaban, namun peradaban itu sebenarnya adalah sebahagian daripada budaya dan maknanya saling bertindih sesama sendiri. Antara unsur budaya itu ialah terdapat unsur-unsur besar yang lebih dikenali sebagai budaya universal (*cultural universal*) yang dapat dibahagikan kepada: budaya peralatan bagi keperluan hidup manusia, sistem ekonomi, sistem sosial, bahasa, kesenian, permainan, ilmu pengetahuan, agama dan kepercayaan. Budaya itu dapat dilihat dari aspek tindakan dan hasil tindakan ahli masyarakat. Tindakan manusia pula didorong oleh pelbagai aspek seperti norma, nilai, peraturan, adat resam, kepercayaan, undang-undang dan seumpamanya. Tindakan itu pastinya mencerminkan budaya yang menjadi fokus kepada kertas kerja ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian teks dengan meneliti dan mengupas beberapa topik pilihan berkaitan budaya dan adat resam masyarakat Arab Mesir sekitar tahun-tahun sebelum 1953. Rujukan utama yang digunakan dalam menghasilkan kertas kerja ini ialah karya karangan Ahmad Amin, *Qamus al-Adat wa al-Taqlid wa al-Taaber al-Misriyyah* yang diterbitkan buat pertama kali pada tahun 1953.

Usaha Pembukuan Mengenai Budaya Masyarakat Arab dan Mesir

Terdapat usaha yang berterusan dari semasa ke semasa dalam merekod, mengumpul, menyusun dan membukukan unsur-unsur dan bentuk-bentuk kebudayaan masyarakat Arab sama ada fizikal atau abstrak, perilaku atau ucapan mahupun seumpamanya. Selain karya Ahmad Amin bertajuk *Qamus al-Adat wa al-Taqlid wa al-Taaber al-Misriyyah* yang merupakan fokus pilihan kertas kerja ini, terdapat juga karya yang seumpamanya yang dihasilkan pada lebih seratus tahun sebelum itu. Antaranya ialah karya karangan Edward William Lane yang bertajuk *An Account of The Manners and Customs of The Modern Egyptians. Written In Egypt During*

the Years 1833—1835. Edward melalui pengalaman hidupnya di bumi Mesir pada tempoh tersebut telah merekod elemen-elemen budaya yang beliau sempat alami dan saksikan ke dalam catatannya sebelum ia diterbitkan sebagai karya miliknya. Di era alaf baharu pula, terdapat juga usaha sebilangan sarjana barat seperti David Dims yang menghasilkan karya seumpamanya pada tahun 2010 bertajuk *Understanding Cairo: The Logic of A City Out of Control* yang kemudiannya diterbitkan oleh The American University in Cairo Press. Selain daripada karya yang fokus kepada Mesir sahaja, terdapat juga usaha pembukuan maklumat berkaitan budaya masyarakat Arab secara umum yang tampak sebagai buku panduan secara ringkas kepada pembaca dari kalangan masyarakat luar rantau Arab yang ingin atau berhasrat berkunjung ke mana-mana negara Arab, baik untuk tujuan kerja mahupun melancong seperti karya karangan Jihad Al-Omari pada tahun 2003 yang bertajuk *Understanding The Arab Culture: A Practical Cross-Cultural Guide to Working in The Arab World* terbitan How To Books Ltd, United Kingdom dan karya Margaret K. Nydell pada tahun 2012 bertajuk *Understanding Arabs: A Contemporary Guide to Arab Society* terbitan Nicholas Brealey Publishing.

Mengenai Ahmad Amin

Ahmad Amin dilahirkan pada 1886 dan meninggal dunia pada 1954. Beliau seorang ahli sejarah dan penulis berwarganegara Mesir. Beliau menulis satu siri buku tentang sejarah tamadun Islam (1928–1953), autobiografi terkenal (*My Life*, 1950) serta *Qamus al-'Adat wa al-Taqalid al-Misriyyah* (1953). Selepas menerima pendidikan di Universiti Al-Azhar, beliau bekerja sebagai hakim sehingga tahun 1926. Beliau kemudiannya mengajar kesusasteraan Arab di Universiti Kaherah, di mana beliau dilantik sebagai Dekan Fakulti Sastera sehingga tahun 1946. Ahmad Amin adalah salah seorang intelektual yang paling cemerlang pada zamannya; beliau merupakan penyunting bagi jurnal sastera *Al-Risalah* (1933) dan *Al-Thaqafa* (1939), pengasas *Lajnah al-Ta'lif wa al-Tarjamah wa al-Nashr* (anggota jawatankuasa Terjemahan dan Penerbitan Sastera). Beliau turut menyumbang kepada penerbitan majalah-majalah lain seperti *Al-Hilal* dari tahun 1933 hingga akhir hayatnya pada tahun 1954. Beliau pernah bekerja sebagai Ketua Jabatan Kebudayaan di Kementerian Pendidikan Mesir sebelum mengetuai Bahagian Kebudayaan Liga Arab. Beliau terkenal dengan karyanya yang panjang mengenai sejarah budaya Islam dalam tiga jilid (*Fajr al-Islam*, 1928; *Duha al-Islam*, 1933–1936; *Dzuhr al-Islam*, 1945–1953) yang merupakan percubaan pertama beliau dalam menulis mengenai sejarah moden dunia Islam. Beliau juga meninggalkan autobiografinya (*Hayati*, 1950). Manakala artikel utamanya diterbitkan di bawah tajuk *Fayd al-Khatir*. Beliau turut memberi syarahan mengenai sejarah sastera Mesir antara tahun 1939 dan 1946. Pada masa inilah Ahmad Amin menyatakan tanggapan awalnya bahawa masyarakat Mesir tidak menyumbang kepada perkembangan puisi Arab semasa Zaman Pertengahan seperti masyarakat Arab yang lain. Anak didik beliau, Shawqi Daif mendakwa bahawa kekurangan penerbitan karya Mesir dalam tempoh itu adalah satu tanggapan yang lemah, dan mencadangkan agar mereka berdua menerbitkan semula bahagian Mesir dalam antologi puisi bagi tempoh tersebut. Ahmad Amin bersetuju untuk menulis bahagian pengenalan sementara Daif menulis bahagian mukadimah, sementara sahabat beliau, Ihsan Abbas membantu pasukan menyunting folio untuk cetakan dari 1951 hingga 1952.

Budaya, Perwatakan dan Kepercayaan Masyarakat Mesir

Budaya adalah tingkah laku sosial dan norma yang terdapat dalam masyarakat manusia. Budaya dianggap sebagai konsep utama dalam antropologi, merangkumi pelbagai fenomena yang dihantar melalui pembelajaran sosial dalam masyarakat manusia. Kesejagatan budaya ditemui di semua masyarakat manusia; ini termasuk bentuk ekspresif seperti seni, muzik, tarian, ritual, agama, dan teknologi. Perwatakan ialah proses gambaran diri, sama ada dari segi fizikal, emosi ataupun pemikiran. Ia juga dikenali sebagai personaliti. Kepercayaan secara umumnya bermaksud akuan kebenaran terhadap sesuatu perkara. Biasanya, seseorang yang menaruh kepercayaan ke atas sesuatu perkara akan disertai oleh perasaan 'pasti' terhadap perkara tersebut. Kepercayaan dalam konteks psikologi bermaksud suatu keadaan jiwa yang berkaitan dengan sikap memihak (*propositional attitude*). Manakala dalam konteks agama pula, kepercayaan adalah sebahagian daripada batu asas pembangunan moral. Dalam konteks ini, kepercayaan dikenali sebagai akidah ataupun iman. Kebenaran yang dipegang itu mungkin sah dan mungkin palsu secara objektifnya, akan tetapi bagi individu tersebut ia adalah pastinya sah. Mengenai masyarakat Arab Mesir, mereka sarat dengan kepelbagaian warna budaya dan adat tradisi sejak berkurun lamanya. Ada sebahagiannya yang berasal dan diwarisi daripada zaman Mesir purba di samping ada juga yang berasal daripada nilai dan ajaran agama Islam yang merupakan pegangan agama majoriti masyarakat Mesir hari ini. Ahmad Amin melalui karyanya, *Qamus al-Adat wa al-Taqalid wa al-Taabeer al-Misriyyah* telah merekod, mengumpul dan membukukan segala maklumat berkaitan kebudayaan yang beliau peroleh melalui pemerhatian dan pengalaman beliau sendiri sebagai salah seorang anak watan bumi Mesir. Sebahagian maklumat tersebut ada yang berbentuk fizikal, perbuatan, abstrak seperti kepercayaan dan ada juga yang berbentuk ungkapan yang sering dituturkan seharian oleh masyarakat. Semua entri berkenaan maklumat tersebut disusun oleh Ahmad Amin dalam susunan huruf abjad Arab, bermula daripada huruf alif sehingga huruf ya'. Kertas kerja ini hanya akan menyentuh sebahagian kecil daripada tiga aspek utama daripada keseluruhan aspek yang dicakupi oleh definisi budaya yang tuntas iaitu aspek perwatakan atau personaliti, aspek pemakanan, aspek pemakaian dan aspek mitos atau kepercayaan.

Ibn al-Balad

Istilah Ibn al-Balad (Secara literalnya bererti anak watan. Ia boleh juga diterjemah sebagai anak jati) ini terkenal meluas dalam kalangan orang Mesir. Ia memiliki makna yang berbeza mengikut zaman dan peredarannya. Menurut Ahmad Amin (1953), Ibn al-Balad merujuk kepada sosok tubuh seseorang lelaki anak jati kelahiran bumi al-Kinanah yang memiliki ciri-ciri yang agak istimewa dari sudut pemakaian, pertuturan, sikap dan tingkah lakunya. Seorang Ibn al-Balad itu pastinya mengenakan jubah (Baju panjang sampai di bawah lutut, berlengan panjang, seperti yang sering dipakai oleh orang Arab), kaftan (Jubah lelaki yang longgar atau jubah yang berlengan pendek atau jubah yang disarung di atas jubah di bahagian dalam), dan serban (Ia bukanlah seperti rupa bentuk serban yang sinonim dengan masyarakat Melayu. Sebaliknya, ia merupakan kain berwarna putih dililit di sekeliling tarbush) yang setiap satunya dijaga dengan penuh teliti dan sepenuh hati. Tekstur kainnya mestilah memenuhi beberapa

syarat; antaranya, ia mestilah ringan, selesa dan lembut. Jubahnya pula mestilah berwarna cerah bagaikan biru turquoise, hijau pistachio, atau merah hati. Warna jubah mestilah serasi dengan warna kaftan dan warna tali pinggang. Untuk tarbush (Topi berwarna merah yang sinonim dipakai oleh masyarakat di era pemerintahan Turki Uthmaniah. Juga dikenali sebagai fez) pula, ia mestilah ringan, dan kain serban hendaklah sedikit rendah daripada bahagian atas tarbush. Kain serban tersebut ditenun elok dan ekor serban diletak di hadapan seakan-akan berbentuk seperti jarum-jarum pin. Adapun kasut yang dipakai oleh Ibn al-Balad, warnanya mestilah merah, tapaknya nipis dan hadapannya kecil. Di tangan Ibn al-Balad ini pula, tersarung sebetuk cincin diperbuat daripada emas yang tipis dengan batu cincin berupa delima atau zamrud. Wajah si sosok tubuh ini pula sentiasa licin dan bersih seolah-olah baru keluar dari kedai gunting dan kukunya sentiasa dikerat. Setiap tingkah laku dan tindak tanduknya penuh berhati-hati dan beliau juga seorang pembersih, senantiasa tampak kemas dan elegan.

Manakala mengenai tingkah laku pula, Ibn al-Balad ini seperti yang diceritakan oleh Ahmad Amin seperti di bawah:

..وأما في سلوكه فهو خافض الصوت؛ إذا تكلم ففي أناة ورقة، وإذا ضحك فعلى قانون، وإذا مشى ففي تَوَدَّة تامّة حتى لا تختل هندسة ملبسه، وإذا رأى أمامه أرضاً مرشوشة عمل لها ألف حساب كيف يتخطاها من غير أن ينال مركوبه أذى، ومن غير أن ينال أذنيه مكروه، وإذا أكل فالأناقة التامة من تصغير اللقمة والدقة في نظافة أصابعه، والمراعاة الدقيقة حتى لا ينال ثوبه شيء مما يأكل ونحو ذلك..

Seseorang Ibn al-Balad sentiasa bersopan santun dalam bermuamalah, rendah suaranya apabila bertutur kata, tidak keterlaluan di dalam gelak tawanya, penuh berhati-hati dalam gerak-gerinya agar tidak merosak kekemasan pakaiannya. Jika di hadapannya tanah yang tidak rata, beliau akan mengharunginya dengan penuh berhati-hati tanpa mengotori pakaiannya. Semasa makan, beliau makan dengan penuh kesantunan dengan mengecilkan suapan, dijaga kebersihan jari-jemarinya, disuap makanan ke mulut dengan penuh teliti agar tiada sekelumit pun makanan jatuh atau terpercik terkena pakaiannya.

Menyentuh berkenaan gaya tutur bicaranya pula, Ibn al-Balad memiliki terma dan gaya bahasanya yang tersendiri ketika bertutur. Bicaranya sarat dengan elemen kesantunan seperti ‘maafkan saya’, ‘jika tak keberatan’, ‘izinkan saya..’, ‘Ya sidi’, ‘Moga Allah mengangkat darjatmu’, ‘Moga Allah memuliakan kamu’ dan yang seumpama dengannya. Ibn al-Balad sering menyisipkan jenaka dan metafora ketika bicaranya dan memberi respons kepada lawan bicaranya.

Seseorang Ibn al-Balad berusaha untuk memberi tumpuan sepenuhnya semasa berkomunikasi dan tidak sesekali dia menyakiti perasaan atau mengguriskan emosi seseorang. Kita tidak akan mendengar sepatah pun perkataan yang kasar keluar dari mulutnya. Jika dia merasakan kebenaran itu seperti menyakitkan, dia lebih rela berbohong. Butir bicaranya sering kali diakhiri dengan jenaka sehingga semua orang berasa gembira dan berpuas hati dan kagum dengan si sosok tubuh bergelar Ibn al-Balad. Ibn al-Balad juga dipanggil Ibn al-Dzauq yang bererti ‘yang memiliki sensitiviti’. Qasim Amin mendefinisikan al-Dzauq sebagai sinaran cahaya kesantunan yang membimbing pemiliknya ketika berbicara dan bertindak sesuai dengan situasi dan keadaan. Masyarakat Mesir umumnya percaya bahawa Kaherah mempunyai al-

Dzauq yang terunggul di negara tersebut. Jika sebelum ini Kaherah lebih dikenali sebagai Ummu al-Dunya, ia juga sebenarnya dikenali sebagai Umm al-Dzauq.

Pemakanan

Masyarakat Mesir mempunyai kepelbagaian jenis makanan. Daging merupakan makanan kegemaran masyarakat Mesir di bandar. Daging biri-biri pula adalah pilihan utama mereka khususnya semasa menyambut Aidil Adha. Selain itu, masyarakat Mesir di luar bandar akan makan daging yang mudah mereka dapati sama ada daging kerbau, lembu dan unta kecuali khinzir. Bagi golongan miskin, mereka jarang makan daging kecuali semasa hari perayaan. Selain daging, masyarakat Mesir juga makan spesies burung seperti anak ayam dan merpati. Mereka juga makan ikan, telur, roti, minum susu dan makan pelbagai jenis sayuran seperti keladi, bendi, terung, tomato, labu, kubis dan jenis kekacang. Manakala jenis kekacang yang lazimnya mereka makan ialah kacang kuda, kacang peas, bertih jagung dan bawang. Mereka juga makan kentang goreng sebagaimana masyarakat Eropah menyediakan ramuannya iaitu dengan menggunakan mentega, marjerin dan minyak. Masyarakat Mesir menggunakan rempah ratus di dalam masakan mereka seperti serbuk cili, kayu manis dan bunga cengkih serta perahan lemon di dalam masakan bendi dan terung. Bagi masyarakat awam Mesir, mereka makan roti yang diperbuat daripada gandum manakala golongan petani pula makan roti yang diperbuat daripada tepung jagung dengan meletakkan halba di atasnya. Selain itu, mereka membuat kebab dengan memanggang daging biri-biri yang telah dipotong kecil serta dicucuk dengan lidi dan pembuatnya dikenali sebagai "Al-Hati". Masyarakat Mesir juga makan sup daging, burung dan sayuran dengan nasi yang dimasak dengan mentega dan air rebus. Selain itu, mereka juga makan daging yang telah dicincang berserta nasi yang diisi ke dalam daun anggur. Masyarakat Mesir membuat pelbagai jenis roti antaranya roti yang diletakkan keju berserta daging cincang dan diletak ke atasnya air gula. Antara hidangan yang mereka gemari ialah "Kunafah", qatayef dan foul mudammas. Mereka tidak mementingkan pemanis mulut sebaliknya mereka lebih mempelbagaikan aneka salad seperti tahinah, tomato, susu dan timun jeruk. Kebiasaannya mereka mengakhiri hidangan dengan manisan seperti mahallabiyah dan buah-buahan.

Selain itu, masyarakat Mesir menjamu selera secara berturutan dan tidak menghidangkannya sekali gus. Mereka menerima apa sahaja menu yang dihidangkan dan makan menggunakan tangan namun ianya berbeza pada hari ini apabila masyarakat Mesir telah menggunakan sudu, garpu dan pisau semasa makan. Mereka suka berbual daripada menikmati hidangan ketika makan dan ini menjadikan tempoh makan menjadi lebih lama. Masyarakat Mesir pada zaman dahulu makan sebanyak dua kali sehari iaitu pada waktu duha dan selepas Asar. Keadaan ini telah berubah dan mereka hanya makan ringan pada sebelah pagi kemudian makan tengah hari dan menikmati makan malam. Mereka memulakan santapan dengan membaca "Bismillah" dan mengakhirinya dengan lafaz "Alhamdulillah". Golongan miskin dan pertengahan makan sambil duduk di atas permaidani dan di atas meja bulat. Namun keadaan ini telah berubah dan hari ini mereka makan di atas meja yang tinggi. Masyarakat Mesir gemar menjamu tetamu dan makanan yang dihidangkan adalah pelbagai warna sebagai tanda kemurahan hati. Masyarakat Mesir mengadakan majlis perkahwinan mengikut status mereka. Di dalam majlis perkahwinan, tetamu akan makan di meja dan dihidangkan dengan makanan

berat. Bagi orang yang kaya pula, mereka akan menyediakan makan tengah hari dan makan malam untuk para tetamu. Budaya ini semakin hilang dan masyarakat Mesir sekarang mengamalkan makan secara buffet ketika majlis perkahwinan dengan menghidangkan pelbagai jenis masakan daging, buah-buahan dan beraneka manisan.

Fesyen

Salah satu perkara yang paling menarik tentang masyarakat Mesir ialah kepelbagaian pakaian atau fesyen. Orang yang pertama kali berkunjung ke Mesir akan berasa kagum dengan kepelbagaian pakaian masyarakat Mesir. Antara fesyen tersebut ialah Jubah iaitu pakaian bertali, berlengan lebar dengan belahan depan dan Kaftan iaitu pakaian yang longgar dengan belahan depan dan bertali pinggang pada dua hujungnya. Ia diperbuat daripada sutera atau kapas. Selain itu, terdapat Jalabiya iaitu pakaian longgar yang dipakai oleh rakyat jelata wanita dan lelaki Mesir, Tarbush serta Kopiah yang diperbuat daripada bulu atau kapas. Para wanita Mesir pula akan memakai selendang atau Habra iaitu kain sutera yang dipakai oleh wanita di Mesir apabila mereka keluar. Di Mesir, perubahan bagi fesyen wanita telah berlaku dengan cepat dan berlaku perubahan secara mendadak yang dinamakan sebagai Sufur iaitu para wanita keluar di hadapan lelaki bukan mahram tanpa bertudung. Sebelum Sufur berlaku, terdapat perubahan fesyen pakaian wanita kelas atasan dan pertengahan iaitu semasa era Muhammad Ali. Pakaian tersebut ialah baju sutera daripada pelbagai warna, dihiasi dengan jalur emas dan pakaian tersebut sangat lebar. Shintian pula adalah pakaian yang dibalut di pinggang dengan menggunakan renda yang melepasi bahagian atas dan labuh hingga ke kaki. Terdapat juga Yilk iaitu pakaian yang labuh hingga ke kaki dan dilapisi dengan Izar iaitu pakaian yang menutupi bahagian bawah badan. Izar akan dipakai di bahagian luar daripada atas hingga ke bawah dan pakaian tersebut terbuka pada kedua-dua sisi dengan tali pinggang di tengah-tengah yang diperbuat daripada sutera atau kashmir. Pada musim sejuk, wanita Mesir akan memakai Jubah yang diperbuat daripada kain sutera yang labuh dari atas dan pakaian tersebut terbuka. Penutup kepala bagi wanita Mesir ialah topi merah kecil yang dikelilingi dengan sapu tangan sutera yang bersulam yang dinamakan oleh wanita Mesir sebagai Qurson manakala orang kaya akan membuatnya daripada emas serta menghiaskannya dengan batu permata. Para wanita Mesir tidak akan menggunting rambut mereka dan membuat tocang pada waktu siang atau malam. Pada waktu malam, mereka menghiasi diri mereka dengan perhiasan yang banyak seperti anting-anting, rantai, cincin dan gelang.

Sewaktu zaman pemerintahan Khadyu Ismail, perubahan besar tentang fesyen telah berlaku. Para wanita Mesir memakai Shintian iaitu seluar lebar yang membolehkan para wanita duduk di atas Syaltah iaitu bantal yang disumbat dengan kapas atau bulu untuk duduk atau bersandar. Pada bahagian atas Shintian ialah baju tanpa lengan dan dilapisi dengan Yilk iaitu jubah yang panjang. Para wanita akan memakai Farjiyya yang menyerupai jubah lebar apabila mereka keluar. Mereka akan memakai penutup kepala yang ditutup dari dalam dengan kain tenunan yang terdapat bunga tiruan di atasnya dan bahagian bawah terdapat Yashmik iaitu penutup muka lutsinar. Lelaki Mesir lazimnya akan memakai serban, sama ada orang kaya atau orang biasa dan juga Jubah, Kaftan serta tali pinggang. Namun begitu, telah berlaku perubahan kepada semua pakaian lelaki dan wanita dan wanita akan keluar dengan pakaian yang dipakai

di rumah tetapi dalam bentuk yang lebih menarik. Para lelaki pula lebih terdedah kepada pakaian Barat iaitu jaket dan seluar begitu juga pakaian bagi pemuda Al-Azhar dan Darul Ulum. Pemakaian Tarbush yang diambil daripada orang Turki juga tersebar dalam kalangan pemuda Mesir. Bagi rakyat yang tinggal di desa, mereka biasanya memakai Jalabiya biru iaitu jubah longgar dan besar. Mereka juga memakai serban di kepala dan kebanyakannya akan berjalan tanpa memakai kasut. Para wanita desa akan memakai Jalabiya hitam panjang dan menutup kepala mereka apabila mereka keluar dengan selendang, menutup muka mereka, menghiasi diri dengan anting-anting, gelang kaki dan gelang tangan. Setiap bangsa lazimnya mahukan pembaharuan dengan melakukan keseragaman pakaian seperti yang dilakukan oleh orang Turki dalam revolusi mereka. Di Turki, hanya lelaki beragama sahaja yang dikecualikan daripada memakai pakaian rasmi dan mereka dibenarkan memakai serban manakala rakyat lain perlu memakai pakaian Barat dan topi walaupun seorang Muazin. Keseragaman pakaian adalah proses pembaharuan yang terawal kerana perkara tersebut dapat membangkitkan semangat patriotisme dalam diri. Para reformis di Mesir juga telah mula memikirkan keseragaman pakaian bagi masyarakat mereka.

Memanggil Roh Orang yang Telah Mati

Antara salah satu budaya Arab Mesir adalah menyeru jin untuk melaksanakan perintah mereka. Mereka akan berkumpul di dalam sebuah majlis perhimpunan ahli-ahli sihir dan mereka akan memulakan acara menyeru jin sambil memasang fonograf untuk memberikan kedamaian. Selain itu, mereka juga akan menutup lampu. Kemudian, ketua majlis datang dengan membawa orang yang berada dalam keadaan hipnosis dan terdapat seorang lelaki yang mengatakan bahawa dia tidak mengetahui apa-apa dan badannya juga lemah. Apabila dia tidur, dia akan meracau dan bercakap menggunakan bahasa Inggeris namun berdialek India. Semasa tidur dia akan bercakap serta mengubati pesakitnya dan memberitahu kaedah rawatan bagi pesakit tersebut. Namun Ahmad Amin (2010) menyatakan beliau tidak terkesan dengan rawatan tersebut. Beliau memberitahu bahawa di siling rumah beliau terdapat roh orang-orang yang dikenali tetapi beliau tidak nampak roh tersebut. Mereka memberitahunya supaya duduk di dalam bilik seorang diri dalam keadaan gelap pada malam Jumaat kerana mereka ingin menghantar roh untuk membantunya. Namun begitu, beliau tidak melakukan seperti yang diarahkan. Setelah itu, berlaku sekali lagi perkara yang berkaitan dengan sihir tetapi cara yang berbeza iaitu untuk memberitahu perkara ghaib. Seorang lelaki Tunisia bersama seorang kawan telah datang melawat beliau dengan mendakwa dia mampu menilik nasib. Ahli sihir Maghribi ini menyuruh kami menulis di dalam kertas perkara yang kami ingin tanyakan kepadanya. Kemudian, dia meletakkan kertas itu di dalam Al-Quran sambil dia memberitahu soalan yang kami tulis dan memberikan jawapan. Dia pergi ke bilik air dan terus kembali dengan pergerakan yang huyung-hayang sambil membaca beberapa ayat. Dia berkata: “Si fulan bertanya kepada Ahmad Amin di atas kertas tentang nama ayah dan ibunya dan tiada seorang pun di dalam rumah mengetahui nama mereka termasuk aku”. Ahli sihir Maghribi itu menjawab: “Nama ayah dan ibunya demikian dan kawan aku mengatakan bahawa nama-nama tersebut betul”. Kemudian Ahli sihir Maghribi bertanya kepadanya tentang nama anaknya dan dia memberitahu nama anaknya dengan betul, lalu berkata kepadanya: “Kamu bertanya tentang harga kapas dan

aku mengatakan harga kapas akan meningkat”. Ahmad Amin telah menulis soalan di atas kertas berkenaan penyakitnya, jadi Ahli sihir Maghribi memberitahunya tentang ubat untuk penyakitnya namun ubat yang disebut tidak dapat menyembuhkannya. Pertanyaan yang ditulis oleh Ahmad Amin ialah: “Adakah perang dunia ketiga akan berlaku”? Dan bila?” Ahli sihir Maghribi menjawab: “Peperangan akan terjadi pada bulan November hadapan tetapi peperangan tersebut tidak berlaku”. Beliau melihat daripada semua ini bahawa Ahli sihir Maghribi itu dengan pergerakan huyung-hayang sekembalinya dari bilik mandi telah menghipnosis dirinya sendiri supaya dapat membaca fikiran kita. Perkhabaran tentang masa hadapan itu hanyalah sebuah spekulasi. Semua ahli hipnosis, mempunyai bakat mampu membaca fikiran orang. Adapun membaca masa depan, ia adalah tuntutan yang tidak ada bukti dan Tuhan lebih mengetahui perkara ghaib.

Azimat

Ahmad Amin (2010) menyebut dalam penulisannya mengenai azimat yang menjadi budaya kepercayaan masyarakat Mesir. Bukan sahaja dikenali oleh masyarakat Mesir, malah azimat ini juga terkenal dalam kalangan masyarakat Maghribi, Tunisia, Algeria, Marrakesh, Sudan dan sebahagian golongan fuqaha'. Azimat yang menjadi budaya kepercayaan masyarakat Mesir ini adalah berbentuk tulisan yang ditulis dengan menggunakan dakwat berwarna hijau dan merah. Tulisan ini kemudiannya dicetak di atas helaian kertas dan dijadikan dalam bentuk yang tebal sebagai kalung untuk digantungkan pada leher bagi sesiapa yang menginginkannya. Kalung azimat ini biasanya akan terselindung di sebalik pakaian mereka (Ahmad Amin, 2010). Meskipun azimat yang asal ditulis dengan dakwat berwarna hijau dan merah, ada juga sebahagian daripada masyarakat Mesir yang sengaja memilih untuk menulis azimat ini dengan menggunakan kotoran kerana percaya bahawa tindakan itu mampu memelihara pemakai azimat daripada gangguan jin dan berpendapat jin lebih cepat menunaikan hasrat dan keinginan mereka daripada yang lain. Kesenambungan daripada budaya yang diamalkan oleh masyarakat Mesir ini, sebahagian pihak mula melihat peluang dan ruang yang terbuka untuk mendapatkan mata pencarian. Penghasilan azimat menjadi bentuk pekerjaan yang mampu meraih keuntungan buat segelintir masyarakat Mesir. Berbeza pula dengan mereka yang menjadikan ayat-ayat suci al-Quran sebagai azimat. Azimat itu dihasilkan dengan mencetaknya dalam saiz yang sangat kecil agar mudah diletakkan dalam kantung kecil. Bagi golongan kaya, mereka meletakkan azimat ini di dalam kotak kecil istimewa yang diperbuat daripada emas atau perak untuk mendapat berkat kekayaan daripadanya. Demikianlah jenis-jenis azimat yang dicatatkan dalam penulisan budaya masyarakat Mesir oleh Ahmad Amin (2010).

Perihal azimat ini turut mendapat perhatian golongan ilmuwan dalam menghasilkan buku-buku penulisan mengenai azimat dan yang berkaitan dengannya. Bermula daripada azimat yang digunakan untuk menyembuhkan penyakit, azimat untuk menunaikan hajat tertentu, sehinggalah kepada azimat para suami ke atas isteri dan sebaliknya. Antara buku yang masyhur menceritakan mengenai azimat berjudul *مجربات الديري* (Ahmad bin Umar Dirbi, 2003). Ahmad Amin juga berkongsi pengalamannya mengenali seorang pemuda yang bekerja sebagai pembuat azimat. Suatu hari, seorang wanita datang kepadanya untuk membuat azimat pengikat ke atas suaminya dan untuk menyembuhkan anaknya. Begitulah kerjanya bagi menunaikan

hasrat orang yang datang untuk membuat azimat. Setelah setahun berlalu dengan melakukan pekerjaannya secara konsisten, pemuda itu mula merasa gila dan tekad membiasakan dirinya dengan mengucapkan "يا لطيف" pada setiap malam sebanyak lima ribu kali. Yang anehnya, pemuda itu sendiri sadar dan tahu bahawa apa yang dikerjakannya adalah perkara yang salah lagi menyesatkan. Namun, sudah tidak berdaya dia meninggalkan pekerjaannya kerana itu sudah menjadi sebahagian daripada hidupnya untuk mendapatkan pendapatan. Sehingga saat itu, dia tetap meneruskan pekerjaannya dalam penghasilan azimat. Pemuda itu turut menceritakan kepada Ahmad Amin berkaitan pengalamannya ketika dia melihat azimat yang dipakai oleh tetamu yang tinggal bersamanya dan terjatuh. Lalu dibukanya azimat itu dan dia dapati bahawa azimat tersebut tidak mengandungi apa-apa yang sama seperti azimat biasa melainkan hanya helaian dan cebisan daripada surat khabar. Demikianlah Ahmad Amin menyimpulkan bahawa kadang-kadang azimat yang digunakan oleh masyarakat Mesir ini bukan azimat sebagaimana yang dinyatakan tadi. Tetapi hanya sekadar mengadakan sahaja (Ahmad Amin, 2010).

Perbincangan dan Kesimpulan

Daripada beberapa topik yang telah penulis pilih dan kupas daripada karya Ahmad Amin ini, timbul satu persoalan besar, pertamanya, adakah boleh kita membuat generalisasi tentang orang Arab Mesir seperti mana yang dinyatakan dalam kertas kerja ini? Kertas kerja ini hanyalah bertujuan memberikan sedikit pengenalan mengenai beberapa aspek budaya Arab secara umum dan terpilih yang mungkin terhad pada sebahagian besar atau kecil daripada masyarakat Arab Mesir dahulu dan kini. Kertas kerja ini hanyalah berhasrat menyumbang kepada sekelumit pemahaman secara ringkas mengenai sebahagian dimensi budaya masyarakat Arab di Mesir menurut perspektif dan kaca mata Ahmad Amin yang hidup dalam masyarakatnya pada era sebelum tahun 1953. Dalam menulis kertas kerja ini, penulis tidak sama sekali dapat mengabaikan bayangan wajah sebenar keseluruhan budaya dan adat resam yang dipraktikkan oleh masyarakat Arab Mesir kini yang pastinya sedikit sebanyak berbeza daripada apa yang dinyatakan oleh Ahmad Amin pada tahun karyanya ini dihasilkan. Di peringkat kajian ilmiah pula, penulis berpandangan bahawa kajian dan penyelidikan yang lebih lanjut dan terperinci mengenai budaya masyarakat Arab Mesir sewajarnya lebih dipergiatkan lagi dengan melibatkan hubungkaitnya dengan disiplin ilmu lain seperti teori silang budaya, sosio-budaya, antropologi budaya, sosiologi dan seumpamanya.

Rujukan

- Ahmad Amin. 2017. *Qamus al-Adat wa al-Taqalid wa al-Taabeer al-Misriyyah*. Muassasah Hindawi. Cetakan Baharu.
- A.M.H. Mazyad. 1963. *Ahmad Amin*. Leiden: E. J. Brill. pp. 47, 48.
- David Dims. 2010. *Understanding Cairo: The Logic of A City Out of Control*. The American University in Cairo Press
- Jehad Al-Omari. 2003. *Understanding The Arab Culture: A Practical Cross-Cultural Guide to Working in The Arab World*. How To Books Ltd, UK.

- Leyde, E. J. Brill. 1978. *My Life. The Autobiography of an Egyptian Scholar, Writer and Cultural Leader, traduction et introduction de Issa Boullata*. 241 p.
- Lane, Edward William. 2005. *An Account of The Manners and Customs of The Modern Egyptians. Written In Egypt During the Years 1833—1835*. Digital Version. Macionis, John J Gerber, Linda Marie. 2011. *Sociology*. Toronto: Pearson Prentice Hall.
- Margarett K. Nydell. 2012. *Understanding Arabs: A Contemporary Guide to Arab Society*. Nicholas Brealey Publishing.
- William Shepard. 1980. The Dilemma of a Liberal Some Political Implications in the Writings of the Egyptian Scholar, Ahmad Amin (1886-1954). *Middle Eastern Studies*. 16 (2): 85.